

TARIKH	16 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	sedempat



SUMBANGAN
...Abdul Halim
(kanan)
menerima
barangan
khas Antabax
daripada Ng.

Lam Soon bekal kit kebersihan

KELANA JAYA: Bagi membantu jemaah yang bakal menunaikan ibadat haji musim ini kekal bersih dan sihat, Lam Soon Edible Oils Sdn Bhd menerusi jenama penjagaan diri antibakteria, Antabax membekalkan sebanyak 4,000 kit kebersihan secara percuma yang diserahkan kepada Lembaga Tabung Haji.

Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran, Isirumah dan Penjagaan Diri, Francis Ng berkata, kit kebersihan itu untuk kegunaan persendirian bagi melindungi jemaah ketika berada di Makkah daripada jangkitan kuman.

Menurutnya, bakal haji dibekalkan dengan satu kit kebersihan setiap seorang yang

mengandungi sabun buku Antabax, cecair sanitasi tangan segera 50 mililiter (ml) dan pek tisu pembersihan antibakteria jenama itu.

"Bekalan ini dapat digunakan tanpa was-was, senang dibawa serta mudah digunakan secara semburan dan pengelapan," katanya pada majlis Penyerahan Produk Kit Kebersihan Antabax kepada Tabung Haji, di sini.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Pengurusan Hartanah dan Pentadbiran Tabung Haji, Abdul Halim Md Jamil berkata, kit itu akan diserahkan kepada enam kumpulan jemaah terakhir yang akan berangkat ke Makkah sehingga Jumaat ini iaitu KT100 hingga KT106.